



UNIFIED THEORY OF EXISTENCE – HARAPAN KE ARAH DUNIA YANG LEBIH BAIK

Oleh MAIZURA MOHD EDERIS

Dunia ini sudah menjadi satu tempat yang sungguh menyakitkan dan kita tidak boleh lari dari dunia ini kerana ini lah satu-satunya tempat yang Tuhan jadikan untuk manusia. Justeru, bagaimana kita boleh meneruskan kehidupan dan pada masa yang sama mengubah dunia agar menjadi lebih baik untuk anak cucu kita?

Ini terjawab dalam buku *The Unified Theory of Existence*, pernah diterbitkan pada 1986 di Amerika Syarikat dan sekarang termasuk dalam kategori 'rare book for sale'. Tinjauan melalui internet mendapati harga tertinggi pernah tercatat untuk senaskah buku ini ialah USD 289 atau RM1,098.20! Bagaimanapun, saya percaya nilai yang terkandung di dalamnya melebihi wang ringgit.

Buku ini ditulis berdasarkan suara hati seorang hamba Allah dalam mencari kebenaran - Profesor Dr Muhammad al'Mahdi. Semasa menulis buku ini kira-kira 20 tahun lalu, beliau masih seorang athies. Kini, selepas memeluk Islam, beliau menerbitkan semula buku ini dalam tiga jilid dan dijual di pasaran Malaysia dengan harga RM15 untuk setiap satu jilid.

Dalam menyampaikan pemikirannya, penulis mencipta watak fiksi bernama Tinny Rainbird, gadis berusia 11 tahun

yang tidak pernah mendapat pendidikan formal di sekolah. Sebaliknya, Tinny dididik secara tidak formal oleh ibu bapanya yang pakar dalam bidang fizik dan psikologi. Tinny dibesarkan di kawasan pergunungan dan tidak pernah bertemu manusia lain selain daripada ibu bapanya. Tinny diajar pelbagai disiplin ilmu yang dipelajari di universiti dan diberi kasih sayang tidak berbelah bahagi tanpa sebarang kata-kata kesat, kemarahan atau kekasaran.

Sepanjang hayatnya, gadis itu hanya melihat ibu bapanya bekerja, berkasih sayang dan belajar. Tinny tidak pernah tahu apa yang berlaku di dunia luar. Cara Tinny melihat dunia adalah sangat ideal.

Suatu hari, Tinny didatangi seorang lelaki tua berjanggut putih dan berjubah yang menggelar dirinya sebagai Philospher-Scientist. Bermulalah perdebatan Tinny dengan orang tua yang pakar dalam bidang sains dan falsafah itu. Perdebatan yang berkisar kepada kehidupan manusia di atas muka bumi ini dimuatkan dalam ketiga-tiga jilid, masing-masing bertajuk *The Created Universe*, *Human Social Behaviour* dan *The Laws of Learning*.

Jilid satu - *The Created Universe* memperkatakan bagaimana bumi ini diciptakan oleh Allah SWT melalui cahaya sehingga lah kepada penciptaan

manusia pertama, Adam a.s. dan keturunannya. Jilid ini menjawab dengan objektif banyak persoalan yang ditanya oleh manusia seperti adakah Tuhan wujud, apakah makna hidup, apakah ciri-ciri asal kebaikan dan kejahatan, dari mana datangnya sifat sukarela yang ada dalam diri manusia, adakah kehidupan lain selepas mati dan apakah masa depan buat bangsa yang bernama manusia ini?

Memandangkan buku ini ditulis semasa penulisnya belum melafazkan kalimah syahadah, kita tidak menjumpai satu pun perkataan yang berkaitan dengan Islam. Bagaimanapun, membaca buku ini akan mendorong kita ke arah Islam. Biarpun jilid ini membicarakan topik seperti kosmologi, fizik, biologi, falsafah dan teologi, anda tidak perlu pakar dalam bidang sains atau falsafah untuk memahaminya. Malah jangan terkejut kalau selepas membaca buku ini anda akan lebih mengetahui tentang alam fizikal ini berbanding mempelajarinya melalui mata pelajaran sains atau falsafah di universiti.

Golongan yang tidak meminati sains, sekiranya membaca buku ini pasti akan kagum terhadap kehebatan fakta sains moden dalam membuktikan hakikat Tuhan dan alam fizikal ini. Selama ini, minda kita diperdaya oleh golongan sekular kononnya sains akan menjauhkan

kita daripada Tuhan. Membaca buku ini mendedahkan bahawa tafsiran fakta sains yang kita pelajari selama ini sebenarnya sudah diselewengkan oleh saintis sekular materialistik. Tafsiran itulah yang membuatkan kita mendapat pandangan sarwa atau *world view* yang silap tentang alam fizikal, bumi ini dan bagaimana hendak hidup dengan cara yang betul di atas muka bumi ini. Pandangan dunia anda pasti akan berubah selepas membaca jilid ini.

Jilid dua pula memuatkan perbincangan Tinny dengan Philospher-Scientist mengenai beberapa bidang berkaitan dengan sikap manusia seperti politik, ekonomi, agama, industri hiburan, kesihatan, pendidikan, alam sekitar jenayah dan naluri seks. Kesemua topik ini menjurus kepada perbincangan mengenai apa yang silap mengenai dunia sekarang dan bagaimana memperbetulkan kesilapan sekarang berdasarkan pandangan dunia yang dikemukakan dalam jilid satu. Perlakuan sosial yang tepat yang dicadangkan dalam jilid ini bukan lah seratus peratus

menepati kehendak Islam, namun ini membuktikan bahawa penulis pada masa itu sudah pun menyedari kesilapan pemikiran sosial barat dan sedang bergerak ke arah pemikiran sosial berdasarkan wahyu Allah S.w.t.

Jilid tiga mengemukakan idea yang agak asing iaitu hukum pembelajaran. Hukum pembelajaran yang mengawal kelakuan semua haiwan sebenarnya boleh digunakan untuk membentuk kelakuan manusia agar bertepatan dengan kehendak Tuhan. Kejahilan dalam memahami kaedah ini lah yang selama ini menyebabkan manusia hanyut di dalam arus pengaruh negatif. Justeru, mengetahui aspek-aspek penting dalam hukum pembelajaran membolehkan manusia mengoptimumkan sifat sukarela yang terbit secara semula jadi dalam diri kita ke arah perbuatan yang betul dan tepat.

Secara umum, jilid ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu penerangan mengenai Hukum Pembelajaran dan bagaimana manusia boleh berubah menggunakan hukum ini. Jelas, dunia

menjadi tunggang terbalik dan kacau bilau seperti sekarang kerana manusia dibesarkan dengan maklumat yang salah dan bertindak berdasarkan maklumat berkenaan.

Semua ibu bapa yang mempunyai anak kecil patut membaca buku ini terutama jilid tiga kerana ia boleh membimbing ibu bapa melatih anak-anak untuk berkelakuan berdasarkan pandangan dunia yang tepat, bukan yang silap seperti yang kita lalui selama ini. Dunia akan lebih aman dan selamat sekiranya semua kanak-kanak membesar dengan cara yang tidak mengikuti pandangan dunia palsu tajaan golongan sekular dari barat.

Buku ini sesuai dibaca oleh golongan ateis kerana tidak banyak menyebut Islam secara langsung. Bagi Muslim pula, pasti akan lebih yakin kepada Islam dan mengetahui kenapa Islam berbeza berbanding agama lain. Bagi pemuda Muslim, buku ini sangat penting untuk dijadikan perisai kerana orang muda sekarang amat terdedah kepada pengaruh dunia sekular yang merempuh masuk dari segenap penjuru. **MM**